



TEKS UCAPAN

**UCAPAN SEMBAH MENJUNJUNG KASIH
DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH
OLEH**

**YAB DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR, SPMK., AMK.
MENTERI BESAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

SEMPENA

**PROGRAM PROMOSI BERSASAR (TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE –
TPS) SIRI 2.0 ZON UTARA DAN PELANCARAN GALERI PADI NUKLEAR**

DISEMPURNAKAN OLEH

**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN**

**ANJURAN BERSAMA
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN LEMBAGA MUZIUM NEGERI KEDAH**

PADA 13 JUN 2024

BERTEMPAT DI

MUZIUM PADI, ALOR SETAR, KEDAH

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani dan Salam Kedah Aman Makmur.

Mengadap, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah
TENGGU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN

AMPUN TUANKU

1. Patik merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase, TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear di Negeri Kedah Darul Aman, anjuran Agensi Nuklear Malaysia bersama Lembaga Muzium Negeri Kedah pada pagi yang mulia ini.
2. Sesungguhnya seluruh rakyat negeri Kedah Darul Aman amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia kesihatan Ke Bawah Duli Tuanku. Patik-patik sekalian sentiasa mendoakan sihat walafiat yang berterusan serta

dilanjutkan usia Ke Bawah Duli Baginda yang dikasihi.

3. Selanjutnya, patik dengan penuh hormat memohon keizinan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin yang hadir pada majlis ini.

AMPUN TUANKU,

Yang Berbahagia

Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berusaha

Dr. Rosli bin Darmawan

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

Yang Berusaha

Tuan Shuhadi bin Shukri

Pengarah Lembaga Muzium Negeri Kedah

Ketua-ketua Jabatan/Agensi, rakan-rakan media

Dif-Dif Jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan

4. Marilah kita mengangkat rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengurniakan segala rahmatNya hingga kita dapat hidup dalam sebuah negara yang aman dan makmur. Di sini juga patik memanjatkan rasa kesyukuran kerana kita semua dapat berkumpul bersama dalam Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase, TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear. Di kesempatan ini patik juga ingin menzahirkan penghargaan kepada pengurusan

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pentadbiran Negeri Kedah, Agensi Nuklear Malaysia, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Bahagian Istiadat dan Pengurusan Majlis Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Tempatan di atas usaha bagi pelaksanaan majlis ini. Inisiatif ini juga secara tidak langsung melibatkan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku peneraju Sains, Teknologi dan Inovasi.

AMPUN TUANKU,

5. Pertama sekali, patik mewakili seluruh warga negeri Kedah amat berbesar hati dan berterima kasih atas kesudian hadirin semua untuk hadir ke program ini. Sesungguhnya, majlis pertemuan ini sungguh bermakna sekali, kerana ia menghubungkan dan merapatkan jalinan ukhuwah di antara pihak kerajaan, kerajaan negeri dalam menyokong usaha Agensi Nuklear Malaysia dalam mempromosikan aplikasi teknologi nuklear dan manfaatnya kepada masyarakat Malaysia umumnya dan khususnya hari ini untuk masyarakat di negeri Kedah dan kawasan sekitarnya.

6. Untuk makluman semua, Visi Negeri Kedah 2035 adalah “Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni”. Visi ini membawa wawasan baharu pembangunan Negeri Kedah bagi tempoh jangka panjang melibatkan pembangunan sosioekonomi yang holistik agar Negeri Kedah menjadi sebuah negeri yang berdaya maju dan kompetitif di peringkat nasional dan global menjelang 2035.

7. Rangka kerja Pelan Pembangunan Kedah 2035 telah dibangunkan dan segala pembangunan adalah berlandaskan kepada 6 teras fokus utama. Teras ini adalah bagi mentransformasikan pembangunan ekonomi negeri dengan mengambilkira faktor-faktor ekonomi, rakyat dan alam sekitar ke arah menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi melalui pembangunan ekonomi yang holistik serta berpadanan dengan ekosistem sosial, budaya dan agama menjelang 2035.

AMPUN TUANKU

Penerapan Bidang Sains, Teknologi dan Inovasi

8. Bidang sains, teknologi, dan inovasi merupakan tiang utama yang menyokong kemajuan ekonomi, sosial, dan budaya dalam masyarakat Kedah. Teknologi baharu, khususnya, memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi Kedah kita. Dengan pelaburan yang tepat dalam bidang ini, kita mampu menggalakkan keusahawanan tempatan, menarik pelaburan asing, dan mengukuhkan kedudukan Kedah dalam arena global.
9. Industri 4.0 membawa bersama pelbagai penemuan teknologi baharu yang kompleks seperti automasi, *Internet of Things (IoT)*, *big data*, kecerdasan buatan atau AI dan penggunaan robotik. Transformasi ini membuka peluang baru bagi Kedah dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran dan merangka strategi baru dalam memenuhi tuntutan pasaran global yang berubah dengan cepat.

10. Namun, kejayaan dalam bidang ini tidak akan dicapai tanpa sokongan sepenuhnya daripada semua pihak. Kita perlu menyediakan infrastruktur yang sesuai, peluang pendidikan dan latihan, serta persekitaran yang kondusif bagi para penyelidik, usahawan, dan pelajar Kedah untuk berkembang dan berkarya.

AMPUN TUANKU,

Sektor Pertanian Dan Keterjaminan Sumber Makanan

11. Dalam konteks ini, sungguhpun sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kedah, sektor pertanian juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri ini. Patik menyambut baik sokongan dari pihak kerajaan dan swasta yang menerokai peluang memodernisasikan sektor pertanian sebagai usaha untuk membangunkan sektor ini secara lestari. Bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman, ternakan dan perikanan yang berkualiti serta jaminan sekuriti makanan dalam negeri, penekanan terhadap automasi dan penggunaan teknologi moden seperti *internet of things* (IOT) perlu dipertingkatkan dan seterusnya menjadi amalan peladang, penternak dan nelayan.
12. Patik berharap dalam masa beberapa tahun akan datang, negeri Kedah dapat menjadi negeri yang berdaya maju dalam pembangunan sektor pertanian. Ini termasuklah mencapai 100%

tahap sara diri (*self sufficiency level*) dalam komoditi pertanian melalui pendekatan dan polisi agromakanan yang bersifat *market-driven*.

13. Oleh itu, patik menyambut baik penghasilan benih mutan NMR152 oleh Agensi Nuklear Malaysia yang dapat membantu dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan asas iaitu beras dan perkembangan sektor ini sekaligus dapat mengawal harga bekalan makanan bagi manfaat rakyat di Malaysia.
14. Dalam hubungan ini, kita hendaklah memberi perhatian kepada bekalan makanan tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada import. Rakyat Kedah perlu dibimbing dan diberi galakan untuk menceburi industri pertanian sebagai petani moden dan berteknologi, sekaligus menjadikannya sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan.
15. Patik percaya bahawa negeri Kedah berkemampuan untuk menghasilkan produk pertanian negeri dengan nilai tambah yang tinggi dan dikomersialkan ke pasaran eksport selain mempergiatkan dan meneroka peluang industri halal.

AMPUN TUANKU,

Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase – TPS) Siri 2.0 Zon Utara Dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear

16. Seperti yang difahamkan dalam ucapan aluan oleh Yang Berbahagia Dato' KSU MOSTI, Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase - TPS) adalah program dwi

tahunan yang telah dikendalikan oleh Agensi Nuklear Malaysia. Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menemukan para pegawai penyelidik ataupun pereka cipta Agensi Nuklear Malaysia dengan pihak industri dan pemegang taruh bagi memperkenalkan perkhidmatan dan produk-produk yang dihasilkan melalui pembangunan dan teknologi serta khidmat dan teknologi yang ada di Agensi Nuklear Malaysia.

17. Melalui Galeri Padi Nuklear yang akan dilancarkan pada hari ini juga, patik dan rakyat dapat melihat perkembangan teknologi nuklear dalam penghasilan baka padi yang baik yang mampu menyokong keterjaminan makanan negara. Patik juga amat berbesar hati dengan penganjuran program seumpama ini yang dapat mengeratkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Negeri selain memberi peluang kepada penyelidik tempatan negeri untuk berkongsi kepakaran dan ilmu dengan lain-lain pakar serta penyelidik.
18. Negeri Kedah turut menyokong Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang pada 20 September 2023 yang lepas. Dasar ini adalah agenda negara bagi mengurus perdanakan penggunaan teknologi nuklear secara aman ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memulihara sumber asli dan alam sekitar.

AMPUN TUANKU,

19. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase, TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear pagi ini. Patik mengucapkan terima kasih kepada Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana memilih Kedah sebagai destinasi TPS bagi tahun 2024 untuk menjayakan Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase – TPS) 2024 ini.

20. Diharap program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan sokongan semua yang hadir, baik daripada kakitangan kerajaan, wakil industri dan rakan kerjasama termasuk badan bukan kerajaan (NGO) Kedah dan luar Kedah, rakan-rakan media serta seluruh malaysia untuk bersama-sama memperluaskan penggunaan teknologi nuklear dan aplikasinya. Pada kesempatan ini, patik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak urus setia yang telah menjayakan penganjuran program ini.

21. Sekiranya terdapat kekurangan dalam penganjuran majlis atau terdapat apa jua kesilapan tutur bicara, patik memohon ampun kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku.

22. Ampun Tuanku, sekianlah sahaja persembahan ucapan patik. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala moga-moga Duli Yang Teramat Mulia Tuanku sentiasa dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun. Patik menjunjung kasih Tuanku.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.